Hektar REIT rancang beli tanah berharga RM40 juta di Melaka (Berita Harian – 13 Julai 2025)



Kolej Yayasan Saad (KYS) Melaka

KUALA LUMPUR: Hektar Real Estate Investment Trust (Hektar REIT) mengembangkan kehadirannya di Melaka dengan cadangan pemerolehan dua bidang tanah pegangan pajakan di Alor Gajah pada harga RM40 juta.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Hektar Asset Management Sdn Bhd, iaitu pengurus Hektar REIT berkata, MTrustee Bhd yang bertindak bagi pihak REIT telah memeterai dua perjanjian jual beli bersyarat dengan KYS College Sdn Bhd bagi pemerolehan itu.

Hartanah itu terdiri daripada sebidang tanah pegangan pajakan seluas 2.55 hektar dan sebahagian daripada tanah pegangan pajakan seluas 14.37 hektar di Alor Gajah, Melaka.

Katanya, cadangan pemerolehan dan pajakan itu ialah langkah strategik oleh Hektar REIT untuk melindungi nilai aset sedia adanya, iaitu Kolej Yayasan Saad (KYS) Melaka dan mengukuhkan kawalan ke atas kawasan itu serta memaksimumkan nilainya.

"Hartanah itu telah diperuntukkan oleh KYSA Education Sdn Bhd bagi pelan pengembangan masa depan, meningkatkan kapasiti sekolah dan mengukuhkan infrastruktur keseluruhan.

"Ini termasuk membina bilik darjah tambahan, menaik taraf kemudahan, dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik untuk menampung permintaan yang semakin meningkat," katanya.

Hektar Asset Management berkata, cadangan pemerolehan dan pajakan itu konsisten dengan objektif jangka panjang Hektar REIT untuk memberi pengagihan pendapatan yang mampan kepada pemegang unit dengan memperoleh aset hartanah berkualiti dengan pendapatan yang stabil dan berulang.

"Walaupun pemerolehan awal ini hanya melibatkan tanah, ia menjadi asas kepada strategi pelaburan berperingkat dan membuka peluang untuk pengembangan KYS," katanya.